


1 - 15 FEBRUARI, 2026

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pengiktirafan terindah inspirasi buat wanita

**DATO' DR. FAZILAH SHAIK ALAUDIN** mengharumkan nama sektor kesihatan awam negara apabila terpilih sebagai salah seorang penerima anugerah berprestij, *AFFIN INVIKTA Top 50 Women of Excellence Awards 2025* yang meraikan wanita-wanita luar biasa atas sumbangan kepada negara, pada satu majlis makan malam gala di ibu kota, 26 November 2025.

Pengiktirafan yang diterima itu menjadi lambang perjalanan panjang seorang wanita yang membina kepimpinan, ketahanan dan legasi dalam sektor kesihatan awam negara.




**DR. Fazilah Shaik Alaudin (depan, empat dari kanan) bersama-sama penerima anugerah *AFFIN INVIKTA Top 50 Women of Excellence Awards 2025* di ibu negara pada November 2025.**

Beliau yang merupakan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang menyifatkan pengiktirafan yang diterima sebagai satu pengalaman yang amat luar biasa dan istimewa, apatah lagi ia hadir hanya enam bulan sebelum beliau bersara setelah hampir 35 tahun mencurah bakti dalam sektor kesihatan awam.

Menurut Dr. Fazilah, peluang bertemu dan diraikan bersama-sama para wanita hebat daripada pelbagai latar belakang termasuk penjawat awam, perbankan, seni, sukan dan politik, merupakan satu pengalaman yang sangat bermakna.



**DR. Fazilah Shaik Alaudin.**

"Ia satu pengalaman yang membuka mata apabila menyedari betapa ramainya wanita cemerlang daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang yang memberi impak signifikan terhadap pembangunan negara.

"Pengiktirafan ini adalah antara yang terbaik dalam hidup saya, apatah lagi ia hadir menjelang persaraan," katanya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN** di pejabat beliau dekat Jalan Residensi pada 18 Disember 2025.

Mengimbau perjalanan kerjayanya, Dr. Fazilah merupakan graduan perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1991. Pada tahun 1994, beliau berhijrah ke Amerika Syarikat bagi mengikuti suami dan melanjutkan pengajian dalam bidang Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Penjagaan Kesihatan dan Pentadbiran) yang akhirnya membentuk hala tuju kepimpinannya.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1997, beliau menyertai Kementerian Kesihatan (KKM) dan berkhidmat di pelbagai peringkat termasuk di ibu pejabat, hospital serta bahagian-bahagian strategik dengan sebahagian besar pengalamannya tertumpu dalam perancangan strategik.

"Sepanjang kerjaya, saya sedar bahawa kekuatan sebenar saya bukan semata-mata dalam bidang klinikal tetapi dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi.

"Saya belajar dengan cara yang sukar serta amat mencabar kerana saya tidak mempunyai latihan formal, tetapi belajar secara langsung di tempat kerja, dan pengalaman itulah yang membentuk saya pada hari ini," jelasnya.

Menariknya, jawatan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang yang disandang sejak tahun 2023 merupakan penempatan pertama beliau di Pulau Pinang.

"Pulau Pinang adalah tempat saya dilahirkan dan dibesarkan, jadi apabila kembali berkhidmat di sini, ia memberi perasaan yang sangat istimewa.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Imbangi kerjaya dan keluarga

"Saya cuma berharap ibu bapa saya masih ada untuk menyaksikan detik ini kerana mereka sentiasa menginginkan saya kembali berkhidmat di Pulau Pinang," ujarnya penuh emosi.

## Wanita perlu berani mencuba

Dikenali sebagai antara peneraju utama dalam pelaksanaan projek teknologi maklumat dan kesihatan digital, Dr. Fazilah percaya bahawa kunci kejayaan terletak pada sikap terbuka untuk belajar, tanpa rasa takut atau rendah diri.

"Tiada apa yang perlu ditakutkan jika kita tidak tahu, jangan rasa rendah diri dan jangan takut untuk bertanya kerana bagi saya tiada satu soalan yang diajukan itu dianggap soalan yang bodoh.

"Saya sendiri belajar sepanjang perjalanan karier saya, dengan banyak membaca, bertanya serta sanggup mencuba sehingga akhirnya menjadi mahir dalam bidang kesihatan digital," ulasnya.

Beliau menegaskan bahawa budaya membaca dan keinginan untuk terus memperbaiki diri menjadi rutin harian yang tidak pernah beliau tinggalkan.

"Setiap hari, saya akan membaca antara lima hingga 10 artikel atau sekurang-kurangnya baca surat khabar kerana kita perlu tahu keadaan semasa yang berlaku di sekeliling kita.

"Janganlah kita menjadi seperti katak di bawah tempurung kerana proses pembelajaran dalam kehidupan kita ini, tidak akan berhenti sampai bila-bila," tegasnya.

## Wanita bangkit, negara turut bangkit

Bagi Dr. Fazilah, platform seperti *AFFIN INVIKTA Top 50 Women of Excellence Awards 2025* bukan sekadar majlis penghargaan, sebaliknya simbol pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam membentuk masa depan negara.

"Apabila wanita berjaya dan bangkit, negara juga akan bangkit, kerana wanita memainkan peranan besar dalam masyarakat, keluarga serta ekonomi.

"Apabila sumbangan ini diraikan, ia memberi makna yang sangat besar terutamanya kepada generasi akan datang," katanya.

Beliau berharap pengiktirafan yang diterima dapat menjadi inspirasi kepada wanita lain, termasuk anak perempuan serta anak-anak saudaranya.

"Saya harap pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada wanita di luar sana, kerana wanita hari ini bukan lagi hanya duduk di dapur tetapi juga berada di barisan hadapan," tambahnya.

## Pesanan untuk wanita cemerlang

Dalam berkongsi rahsia kecemerlangan, Dr. Fazilah menegaskan bahawa kejayaan memerlukan usaha, kejujuran dan semangat yang tidak pernah luntur.




**MERAIKAN ulang tahun ke-135 Hospital Bukit Mertajam baru-baru ini. *(Ihsan: Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang).***

"Untuk mencapai kecemerlangan, pastinya kita, wanita mesti bekerja keras dan mempunyai minat yang mendalam.

"Sentiasa berikan yang terbaik, saya sendiri sentiasa berikan sepenuh komitmen dalam apa juga kerja yang dilakukan, jangan berkira, sentiasa jujur dan bersemangat.

"Jika kita bersemangat, kita akan menikmati kerja yang dilakukan dan akan memberikan yang terbaik dalam apa jua yang kita usahakan.

"Tinggalkan legasi walau di mana sahaja kita berada di tempat kerja, biarlah ada impak, walaupun sedikit," ujarnya.

## Keluarga dan sistem sokongan

Sebagai wanita bekerjaya, Dr. Fazilah tidak menafikan cabaran besar dalam mengimbangi kerjaya dan keluarga. Namun, sokongan suami, anak-anak serta persekitaran menjadi kekuatan utama.

"Sistem yang ada pada hari ini juga perlu menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

"Kehidupan pada hari ini semakin mencabar dan perlu ada sistem sokongan yang memperkasa serta meraikan wanita," katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan daya ketahanan dan sokongan sesama wanita.

"Saya percaya bahawa apa jua yang kita lalui di dunia ini hanyalah bersifat sementera, jadi tidak mengapa jika kita hari ini berada di bawah atau berasa kecewa, kerana mungkin ini adalah untuk kebaikan pada hari esok.

"Sebagai wanita, berilah masa kepada diri sendiri…saya percaya dengan iman serta daya ketahanan, kita akan bangkit semula dan paling mustahak, wanita perlu menyokong wanita lain.

"Jangan bersendirian kerana kita perlu ada sokongan, dan sebab itu saya selalu berpesan supaya kita kena ada masa untuk orang lain, kita tidak tahu bila pula kita memerlukan masa mereka.



***POSE* santai bersama pasukannya ketika menyertai salah satu acara turun padang pada tahun lepas. *(Ihsan: Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang).***

"Berbuat baiklah, dengar keluhan dan mungkin itu yang mereka mahu, mereka hanya mahu didengari dan bercakap," tambahnya lagi.

## Legasi kepimpinan

Sebagai seorang yang komited dalam kerjaya, Dr. Fazilah menekankan bahawa *multitasking* dan pengurusan masa sebagai kemahiran relevan yang perlu ada dalam melahirkan tenaga kerja berketrampilan.

"Multitasking dan pengurusan masa adalah kemahiran yang sangat penting dan boleh dipelajari, khususnya dalam kalangan generasi muda.

"Apabila kita tidak mampu menguruskan pelbagai tanggungjawab, maka dari situlah tekanan dan masalah mental boleh bermula.

"Tidak semestinya duduk di pejabat sampai petang bermakna kita rajin, kerana kadang-kadang ia berpunca daripada pengurusan masa yang tidak betul.

"Ini adalah kemahiran asas yang perlu ada jika seseorang itu mahu berjaya kerana saya lihat generasi muda hari ini semakin kurang kemahiran ini.

"Penting untuk ibu bapa mendidik anak-anak dengan kemahiran berkualiti kerana merekalah yang bakal memimpin masa hadapan negara kita," serunya.

Sebagai pemimpin yang menerajui perkhidmatan awam kesihatan negeri, beliau melihat cabaran terbesar hari ini adalah memahami generasi muda dan memimpin dengan empati.

Beliau menjelaskan bahawa seorang pemimpin perlu memahami, mempercayai dan tidak terlalu mengawal.

"Jangan micromanaging, keprihatinan dan belas ihsan juga sangat penting, kerana organisasi hanya akan berfungsi dengan baik apabila kita menjaga antara satu sama lain," ujarnya.

Mengakhiri perkongsian, beliau menitipkan pesan agar wanita perlu sentiasa menghargai diri dan berani mengejar impian.

"Cintai apa yang kita lakukan, berbahagialah dengan apa yang kita lalui dan kita akan pergi jauh.

"Sasarkan untuk menggapai bintang serta perkasakan wanita lain di sekeliling kita, insyaAllah kejayaan akan menjadi milik kita," jelasnya.

# Raih 80 pingat

# World Robot Games 2025



PARA pelajar yang diraikan merakam momen bersama-sama Ketua Menteri pada majlis penghargaan yang diadakan baru-baru ini.

**SERAMAI** 24 pelajar dari Malaysia, yang majoritinya anak jati Pulau Pinang telah mempamerkan prestasi cemerlang dalam *World Robot Games* (WRG) *2025* yang berlangsung di Taipei, Taiwan, tahun lalu.

Bakat muda negara berjaya meraih 80 pingat dalam salah satu pertandingan robotik serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) terbesar dunia, sekali gus mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Acara berprestij yang berlangsung dari 25 November hingga 1 Disember itu menarik penyertaan lebih 1,000 peserta dari 10 negara, termasuk Taiwan, Jepun, Korea Selatan, India, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Singapura dan Malaysia.



DUA beradik, A.Aesvan (kiri) dan A. Ahraan yang juga antara peserta WRG 2025 mengabadikan kenangan bersama Ketua Menteri.

Susulan kejayaan tersebut, para pelajar diraikan dalam satu majlis penghargaan yang turut dihadiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, pada 6 Januari 2025.

Hadir sama, Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo; Pengerusi MIC Negeri, Datuk J. Dhinagaran serta Pengarah Syscore Sdn. Bhd., K. Gannesa.

Semasa berucap, Kon Yeow merakamkan ucapan tahniah kepada para pelajar dan menyifatkan kejayaan tersebut sebagai amat bermakna serta mampu memberi inspirasi kepada lebih ramai pelajar.

"Pada majlis yang bermakna ini, kita meraikan kejayaan 22 pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daripada keseluruhan 24 pelajar yang telah mengharumkan nama negeri dan negara melalui pencapaian cemerlang pada peringkat antarabangsa.

"Kejayaan ini bukan sahaja membanggakan keluarga dan sekolah mereka, malah membuktikan bahawa anak-anak Pulau Pinang mempunyai potensi besar dalam bidang teknologi, inovasi dan robotik," katanya.

Beliau turut memuji ketekunan, disiplin, kesabaran dan keberanian para pelajar dalam mencabar diri di pentas global, sambil menegaskan bahawa kecemerlangan tidak mengenal batasan umur, aliran pendidikan atau latar belakang.

"Kejayaan ini juga mencerminkan nilai kerja berpasukan, kreativiti, pemikiran kritis serta kemahiran menyelesaikan masalah, iaitu kualiti penting untuk masa depan," jelasnya.

Menurut Kon Yeow, robotik bukan sekadar aktiviti kokurikulum, sebaliknya merupakan sebahagian penting dalam ekosistem pendidikan STEM.

"Ia menjadi asas kepada pembangunan modal insan berkemahiran tinggi selaras dengan Visi Penang2030, yang bertujuan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar, inovatif dan berdaya saing," tambahnya.

Mengulas pengumuman Perdana Menteri berhubung peruntukan RM50 juta bagi menaik taraf SJKT di seluruh negara, Kon Yeow menyambut baik langkah tersebut.

"Berdasarkan pengalaman Pulau Pinang sejak 2008, sekolah SJKT sememangnya memerlukan bantuan bagi menaik taraf kemudahan asas.

"Peruntukan ini membolehkan penambahbaikan infrastruktur, perabot, peralatan pengajaran dan bahan pembelajaran bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif," katanya sambil menambah bahawa ia turut mengiktiraf sumbangan besar sekolah Tamil dalam pembangunan bakat negara.

Sementara itu, Sundarajoo berkata pelajar daripada SJKT dan sekolah menengah kebangsaan telah menunjukkan bakat, ketabahan dan keazaman luar biasa sepanjang pertandingan.

"Pencapaian mereka bukan sahaja melebihi jangkaan, malah mengatasi prestasi tahun sebelumnya.

"Setiap pelajar pulang dengan sekurang-kurangnya satu pingat dalam kategori masing-masing, yang mencerminkan dedikasi dan kerja keras mereka," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah Tamil Pulau Pinang menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh kualiti pendidikan Tamil, termasuk memperluas akses kepada STEM serta teknologi global.

"Kejayaan ini bukan sahaja kebanggaan komuniti Tamil, malah seluruh rakyat Malaysia kerana ia membuktikan keupayaan pelajar kita apabila diberikan peluang yang tepat," tambahnya.

Bagi kebanyakan peserta, pertandingan tersebut merupakan pengalaman yang mengubah kehidupan mereka.

Salah seorang pelajar terlibat, **R. NISHANT**, 16, dari *Methodist Boys' School* (MBS), Datok Keramat, memberitahu bahawa acara itu merupakan penyertaan pertamanya dalam pertandingan robotik antarabangsa.

"Saya masih tidak percaya, namun sangat gembira kerana berjaya mencabar kemampuan diri, lebih-lebih lagi dengan persaingan yang amat sengit.

"Saya berharap dapat mengekalkan prestasi ini pada edisi 2026 yang akan diadakan di Jepun," ujarnya selepas meraih pingat kejuaraan untuk negara.



MODEL rekaan yang dipertaruhkan pada WRG 2025 di Taiwan.

# Perkasa kutipan zakat

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG** – Kempen *'Zakat Sprint Month'* dilancarkan bagi merealisasikan sasaran kutipan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Zakat MAINPP) sebanyak RM200 juta bagi tahun 2025.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa kempen yang bermula sejak 15 Disember 2025 itu turut menawarkan peluang kepada pembayar zakat untuk memenangi hadiah cabutan bertuah, termasuk pakej umrah serta pelbagai hadiah lain.

"Bagi tahun 2025, sasaran kutipan zakat ditetapkan sebanyak RM200 juta.

"Sehingga 30 November 2025, kutipan telah mencecah RM143,447,798.47, iaitu 72 peratus daripada sasaran.

"Ini bermakna, kita hanya memerlukan tambahan RM56,552,201.53 atau 28 peratus lagi dalam bulan Disember untuk mencapai sasaran," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penutup Kembara Zakat 2025 dan Penyerahan Saguhati Jawatankuasa Kariah di Masjid Al-Huda Sungai Ara di sini pada 20 Disember 2025.

Hadir sama, Pegawai Daerah Barat Daya, Dato' Rosli Halim; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat MAINPP, Mohd. Khairi Ghazalli dan Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf MAINPP, Abdul Mohsein Mohd. Shariff.

Menurut Dr. Mohamad, keutamaan Zakat MAINPP bukan sahaja terletak kepada kutipannya, malah kepada keberkesanan agihan kepada golongan asnaf yang layak.

"Bagi tahun 2025, peruntukan agihan yang telah ditetapkan adalah sejumlah RM199,752,489.

"Sehingga 30 November 2025, kita telah berjaya mengagihkan sebanyak RM171,528,178.76, iaitu bersamaan 86 peratus daripada peruntukan keseluruhan.

"Angka ini membuktikan komitmen tinggi Zakat MAINPP dalam memastikan bantuan disalurkan secara pantas dan tepat kepada golongan yang memerlukan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa penyerahan saguhati pada majlis tersebut melibatkan 240 kariah di seluruh Pulau Pinang.

"Seramai 806 individu daripada jawatankuasa kariah menerima penghargaan ini, dengan jumlah keseluruhan saguhati sebanyak RM504,200.

"Diharapkan sumbangan ini menjadi suntikan semangat kepada jawatankuasa kariah untuk terus berkhidmat dengan penuh keikhlasan dan dedikasi," katanya.

Sebelum itu, Kembara Zakat 2025 turut diserikan dengan pelbagai pengisian, antaranya *Zakat Fun Run* yang disertai 1,500 peserta, Jelajah Asnaf Zakat, penyerahan saguhati jawatankuasa kariah serta sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada asnaf menerusi Program Ceria Ke Sekolah TNB 2025.

Menurut Dr. Mohamad, selain menggalakkan pembayaran zakat, penganjuran program seumpama ini merupakan usaha berterusan dalam menyantuni golongan fakir dan miskin di Pulau Pinang.

"Program ini memastikan kebajikan asnaf terus terbela, di samping memperkukuh pembangunan agama Islam serta sosioekonomi umat Islam di negeri ini," ujarnya.




**DR. Mohamad Abdul Hamid (berjubah putih) menyantuni barisan penerima saguhati pada Majlis Perasmian Penutup Kembara Zakat 2025 dan Penyerahan Saguhati Jawatankuasa Kariah di sini pada 20 Disember lalu.**

# Masjid institusi teras perpaduan ummah

**BERTAM** - Pentauliahan Jawatankuasa Kariah bagi sesi 2026 hingga 2028 menandakan penyempurnaan proses pelantikan kepimpinan kariah masjid di seluruh negeri.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa proses pencalonan bagi sesi berkenaan dilaksanakan mengikut tatacara ditetapkan serta mendapat kelulusan badan-badan berautoriti.

"Proses pencalonan Jawatankuasa Kariah bagi sesi 2026 hingga 2028 telah dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan Peringkat Daerah (JAPPED) sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

"Seterusnya memperoleh perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaku Ketua Agama Islam Negeri Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Pentauliahan Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang 2026 hingga 2028, di sini pada 23 Disember 2025.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat MAINPP, Mohd. Khairi Ghazalli; Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf MAINPP, Abdul Mohsein Mohd. Shariff serta Setiausaha MAINPP, Dato' Rosidi Hussain.

Mengulas lanjut, Mohamad yang juga Yang Dipertua MAINPP berkata, pentadbiran masjid di Pulau Pinang dilaksanakan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang, yang menetapkan MAINPP sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua masjid di negeri ini, termasuk aspek kebajikan, infrastruktur dan pengurusan jawatankuasa kariah.

"Masjid perlu berfungsi sebagai institusi perpaduan ummah yang merentasi perbezaan fahaman dan latar belakang serta tidak terhad sebagai pusat ibadah semata-mata.

"Dalam kerangka Agenda Pembangunan Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2030 (APAI 2030), masjid merupakan institusi teras di bawah Teras Pembangunan Dakwah dan Tarbiah yang berperanan sebagai pemangkin pembangunan ummah secara menyeluruh, termasuk aspek sosioekonomi," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, beberapa pembaharuan telah dilaksanakan, antaranya penstrukturan semula Masjid Negeri dan enam Masjid Daerah menerusi pelantikan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebagai Pengerusi Masjid Negeri serta Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah sebagai Pengerusi Masjid Daerah.

Langkah tersebut, katanya, membolehkan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan di bawah Teras Pembangunan Dakwah dan Tarbiah APAI 2030 dilaksanakan dengan lebih berkesan, termasuk melalui pendigitalan menerusi Sistem Pengurusan Bersepadu MAINPP sebagai medium penghubung antara kariah dan pihak pengurusan.

Dalam majlis sama, Dr. Mohamad turut memaklumkan bahawa perasmian Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang (TWMPP) merupakan langkah strategik bagi memperkasa pembangunan serta memastikan kelestarian institusi masjid di negeri ini.

Beliau menggesa agar pengurusan dan pembangunan dana dana wakaf masjid dilaksanakan secara berstruktur melalui pentadbiran Masjid Daerah bagi meneruskan legasi wakaf yang telah diasaskan oleh para ilmuan terdahulu.

"Kami berharap sokongan padu daripada seluruh kariah dapat diteruskan bagi menjayakan APAI 2030, agar ummah dapat menikmati dasar dan polisi terbaik Kerajaan Negeri selaras dengan Visi Penang2030," ujarnya.

# PESTA PULAU PINANG capai sasaran




GERBANG Malam Food Festival merupakan salah satu tarikan pengunjung di Pesta Pulau Pinang baru-baru ini.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**PESTA** Pulau Pinang tahun ini mencatatkan kejayaan memberangsangkan apabila berjaya mencapai sasaran sekitar 400,000 pengunjung walaupun penganjurannya berlangsung dalam tempoh lebih singkat berbanding tahun lalu dan sebelumnya.

Pesta Pulau Pinang kembali membuka tirainya dari 6 Disember 2025 sehingga 10 Januari 2026, menyambut pengunjung setiap hari bermula jam 6 petang sehingga 11 malam.

Pengurus Jawatankuasa Kutipan Tiket dan Kewangan Pesta Pulau Pinang, **SYAZWAN SAZALI** berkata bahawa peningkatan kutipan adalah amat memberangsangkan walaupun penganjuran kali ini adalah selama 36 hari berbanding 44 hari pada tahun sebelumnya yang mencatatkan kutipan sekitar RM1.8 juta.

"Walaupun tempoh penganjuran lebih singkat, sambutan pengunjung adalah sangat menggalakkan," katanya ketika ditemui di tapak Pesta Pulau Pinang sebentar tadi.

Tambah Syazwan, Unit Tapak Pesta yang berada di bawah Jabatan Kewangan Negeri (JKN) memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran penganjuran, termasuk pengurusan tapak dan parkir.

"Selain itu, sebuah jawatankuasa khas turut ditubuhkan bagi menyelaras aspek pengurusan tiket, keselamatan serta aliran pengunjung sepanjang tempoh penganjuran bagi memastikan pengalaman yang selesa dan teratur kepada orang ramai.

"Penganjuran ini turut melibatkan beberapa pavilion utama antaranya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)," jelasnya.

Mengulas sambutan pengunjung, Syazwan turut menyatakan bahawa ia adalah amat memberangsangkan khususnya pada hari terakhir penganjuran.

"Jumlah kehadiran dianggarkan mencecah sekitar 120,000 pengunjung, selari dengan rekod jualan tiket serta trend penganjuran terdahulu.

"Maklum balas yang diterima kebanyakannya meminta agar Pesta Pulau Pinang diteruskan dan tidak ditutup, sambutan pada hari terakhir memang sangat meriah," ujarnya.

Bagi pengunjung, **ABDUL MANAN MAN**, 67, lokasi penganjuran Pesta Pulau Pinang yang sedia ada wajar dikekalkan memandangkan kedudukannya yang strategik dan mudah diakses oleh orang ramai dari pelbagai kawasan.

"Saya memang setiap tahun datang bersama-sama keluarga. Sekarang pun saya sedang menunggu anak dan cucu tiba untuk berjalan sama-sama, jadi suasana pesta ini memang meriah untuk dinikmati ramai.

"Lagipun, saya dimaklumkan kawasan ini akan dibangunkan sebagai stesen Transit Aliran Ringan (LRT) tidak lama lagi, yang pastinya menjadi mod pengangkutan alternatif dan memudahkan warga Pulau Pinang ke sini," katanya yang merupakan seorang pesara.

Sementara itu, **MUHAMAD IHSAN ILYAS**, 32, menyatakan bahawa beliau tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke Pesta Pulau Pinang walaupun sudah beberapa kali hadir sebelum ini.



PENGUNJUNG mengambil peluang menikmati saat akhir Pesta Pulau Pinang bersama keluarga.

"Hari terakhir ini pun, saya datang lagi untuk membeli-belah bersama isteri dan anak.

"Bagi saya, Pesta (Pulau Pinang) memang patut diteruskan sebab rasanya tak lengkap Pulau Pinang tanpa penganjuran pesta seperti ini.

"Saya membesar dengan pergi ke Pesta (Pulau Pinang) sejak kecil, dan sekarang pula dapat membawa keluarga sendiri, jadi ia memang memberi makna yang tersendiri," jelasnya.



**MUHAMAD Ihsan Ilyas bersama isteri dan anaknya.**




**SUASANA meriah di pintu masuk utama pada hari terakhir Pesta Pulau Pinang.**

# Guru Takmir pemangkin pembangunan ummah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**SEBERANG JAYA -** Semua Guru Takmir di Pulau Pinang menerima saguhati berjumlah RM1,000 seorang sebagai penghargaan atas sumbangan besar mereka dalam mengimarahkan masjid dan surau serta mendidik masyarakat pada peringkat akar umbi.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid ketika merasmikan Multaqa Imam dan Pentauliahan Guru Takmir (Sesi 2026 – 2028) Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 berkata bahawa peruntukan berjumlah RM230,000 disediakan bagi tujuan tersebut selaras usaha memperkasa Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI 2030).

"Guru Takmir bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah bertindak sebagai penyambung dasar kerajaan dan pemangkin perubahan sosial dalam komuniti setempat.

"Pelan induk APAI 2030 merangkumi lima teras utama iaitu sosioekonomi, pendidikan, keluarga, anak muda, serta dakwah dan tarbiah.

"Kejayaan agenda ini tidak akan tercapai tanpa kepimpinan masjid yang berwibawa dan berkesan," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat dalam majlis berkaitan di sini pada 22 Disember 2025.

Serentak pada majlis sama, Dr. Mohamad yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut menyaksikan acara peluncuran mushaf al-Quran versi Pulau Pinang.




DR. Mohamad Abdul Hamid (tengah) menyempurnakan pelancaran Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang sempena Multaqa Imam dan Pentauliahan Guru Takmir Sesi 2025 hingga 2028 Peringkat Negeri Pulau Pinang 2025 baru-baru ini.

"Sebanyak 10,000 naskhah mushaf al-Quran akan diedarkan ke seluruh masjid di negeri ini dengan peruntukan berjumlah RM1.05 juta yang disalurkan oleh MAINPP.

"Langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan kedudukan al-Quran serta memastikan umat Islam mempunyai akses kepada mushaf yang berkualiti dan berautoriti," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menyeru umat Islam di Pulau Pinang agar berganding bahu dengan MAINPP dalam usaha memperkasa ekonomi ummah menerusi program-program wakaf yang dilaksanakan oleh Wakaf Pulau Pinang.

Selain mengimarahkan masjid dan surau, beliau menegaskan bahawa Guru Takmir wajar berperanan sebagai ejen penerangan kepada masyarakat mengenai Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang (TWMPP).

"MAINPP menggalakkan penyaluran 10 peratus dana masjid ke dalam tabung wakaf bagi membina kekuatan kewangan ummah secara kolektif serta mengurangkan jurang antara masjid besar dan kecil.

"Pendekatan ini bukan untuk membebankan, sebaliknya bagi mewujudkan sistem kewangan Islam yang adil, mampan dan berteraskan maslahah umum," jelasnya.

Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Marzuki Hassan hadir sama pada majlis berkenaan.

## PWCC pemangkin baharu sektor MICE

**GEORGE TOWN –** Pembukaan *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC) bakal memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi penganjuran acara mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) yang unggul di peringkat kebangsaan mahupun serantau.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kehadiran PWCC bukan sekadar menambah fasiliti berkaitan sedia ada, malah merupakan langkah strategik untuk menampung permintaan yang kian meningkat daripada penganjur acara antarabangsa.

"Kita (Pihak Berkuasa Negeri) melihat penambahan satu pusat MICE ini tidak bertujuan untuk merebut peluang sedia ada, sebaliknya ia membolehkan Pulau Pinang menunaikan potensinya sebagai pusat pelancongan dan pusat MICE utama negara terutama di wilayah utara (Semenanjung Malaysia)

"Bidang ini (MICE) menikmati pertumbuhan yang amat memberangsangkan hasil peranan dimainkan oleh Biro Konvensyen dan Pameran Pulau Pinang (PCEB) dan *Penang Global Tourism* (PGT) beberapa tahun sebelum ini.

"Justeru, kita perlu memastikan kemudahan mencukupi untuk menampung pertambahan pelancong serta penganjur yang memilih Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan," jelasnya kepada pemberita selepas menyertai lawatan rasmi ke PWCC di sini pada 5 Januari 2026.

*(Sambungan di muka 14).*




PWCC kini menjadi fasiliti penganjuran acara MICE terbaharu di negeri ini.

# Sokong Perintah Khidmat Masyarakat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mula menguatkuasakan Perintah Khidmat Masyarakat terhadap pesalah yang membuang sampah kecil di tempat awam bermula 1 Januari 2026.

Langkah tersebut dilaksanakan selaras Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) selepas pindaan diluluskan Dewan Rakyat pada Ogos 2025.

Melalui pindaan berkenaan, pesalah yang disabitkan kesalahan dikehendaki menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sehingga 12 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan, meliputi aktiviti kebersihan seperti mengutip sisa pepejal, mencuci kawasan awam, memotong rumput dan membersihkan sarang labah-labah.

Susulan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut bersetuju menguatkuasakan perintah berkenaan bermula 1 Julai 2026, selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri pada 17 Disember 2025 meluluskan cadangan KPKT mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 [Akta A1773].

Exco Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jason H'ng Mooi Lye memaklumkan bahawa MBSP dan MBPP diberikan tempoh enam bulan bagi membuat persiapan sebelum pelaksanaan penuh bermula pada tarikh tersebut.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan mendapatkan reaksi orang awam, yang rata-rata menyatakan sokongan penuh terhadap pelaksanaan perintah berkenaan.

Pengusaha spa kecantikan, **NUR SHEEMA ZAINOL**, 49 menyifatkan penguatkuasaan Perintah Khidmat Masyarakat sebagai langkah tepat dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih bersih dan hijau.



NUR Sheema Zainol.

Menurutnya, sikap membuang sampah sewenang-wenangnya masih kerap berlaku akibat kurangnya kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.

"Saya perhatikan bahawa masih ramai dalam kalangan masyarakat kita bersikap ambil mudah dalam aspek pembuangan sampah, mungkin kerana kurangnya kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar.

"Contoh mudah yang biasa kita lihat adalah pembuangan sampah kecil seperti tisu yang mungkin dilihat remeh tetapi sebenarnya memberikan kesan besar terhadap alam sekitar sekiranya tidak ditangani secara berkesan.

"Perbuatan inilah yang menjadi punca kepada kejadian longkang tersumbat, sekali gus menyebabkan berlakunya banjir kilat apabila hujan lebat," jelas beliau yang berasal dari Seberang Jaya.

Berkecimpung dalam perniagaan spa dan kecantikan yang begitu menitikberatkan kebersihan, Nur Sheema menyatakan bahawa pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat secara tidak langsung mampu membentuk disiplin dan meningkatkan kesedaran awam mengenai pengurusan sampah.




KAMARUL Mohd. Kassim.

Nada sama disuarakan oleh **KAMARUL MOHD. KASSIM**, 49, yang berpendapat perintah tersebut mampu memberi pengajaran berkesan kepada individu yang gemar membuang sampah di tempat awam.

"Hukuman khidmat masyarakat pada saya sudah memadai untuk memberikan pengajaran kepada mereka yang mempunyai sikap suka membuang sampah sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran.

"Paling ketara adalah di kawasan perumahan flat yang mana sikap suka membuang sampah di tempat tidak sepatutnya masih lagi kerap berlaku.

"Jadi pada saya pelaksanaan akta ini memang bertepatan untuk mengurangkan pembuangan sampah di tempat awam yang boleh menimbulkan pelbagai masalah berkaitan alam sekitar," ulasnya sambil berharap agar pelaksanaan perintah tersebut dapat meningkatkan disiplin diri dalam kalangan masyarakat.




ABDUL Rahim Abdul Karim.

Sementara itu, **ABDUL RAHIM ABDUL KARIM**, 62, turut menyambut baik pelaksanaan perintah berkenaan sebagai inisiatif meningkatkan kesedaran sivik.

"Apabila dikenakan hukuman khidmat masyarakat, secara tidak langsung mereka akan belajar makna disiplin dan meningkatkan rasa cinta terhadap alam sekitar," katanya.

Bagi peniaga, **MAIMUNAH HUSIN**, 50, pelaksanaan perintah tersebut mampu memberi peringatan tegas kepada mereka yang cuai membuang sampah sehingga menjejaskan kesihatan dan persekitaran.



MAIMUNAH Husin.

"Kesan perbuatan membuang sampah merata-rata bukan sahaja mencacatkan pemandangan, malah akan menyebabkan berlakunya banjir apabila sistem saliran tersumbat akibat sampah-sarap yang dibuang di luar tong sampah.

"Apabila berlaku banjir, kita mula hendak salahkan pihak lain termasuk Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan, sedangkan bencana ini juga berpunca daripada sikap kita sendiri.

"Di pasar ini misalnya, walaupun tong sampah telah disediakan secukupnya oleh pihak Majlis, tetapi masih ada yang bersikap sambil lewa dengan membuang sampah di merata-rata tempat.

"Oleh itu, saya sangat bersetuju dengan pelaksanaan perintah ini untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai," katanya sambil berharap kebersihan negeri ini dapat dipertingkatkan demi kepentingan bersama.



MUHAMMAD Amran Na'eme.

Seorang lagi peniaga, **MUHAMMAD AMRAN NA'EME**, 33, turut bersetuju dengan pelaksanaan perintah tersebut memandangkan isu pembuangan sampah di tempat awam masih berlarutan dan memerlukan tindakan tegas.

"Saya memang berasa marah apabila melihat kurangnya kesedaran sivik dengan membuang sampah sesuka hati.

"Masyarakat sepatutnya ada kesedaran tentang kesan tabiat tidak baik ini, jadi saya memang mengalu-alukan langkah KPKT dalam usaha mereka untuk menangani isu pembuangan sampah di tempat awam di negara kita," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

# Fokus kebajikan rakyat, pembangunan inklusif

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & LAW SUUN TING**

**PELANTIKAN** Ahli-Ahli Majlis baharu bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) disifatkan sebagai langkah penting dalam memperkukuh tadbir urus perbandaran serta memastikan keperluan rakyat terus menjadi keutamaan selaras dengan Visi Penang2030.

**FOO YU KEONG**, **MUHAMMAD ADZLAN ADZHAR** dan **K. DEENADAYALAN**, masing-masing membawa latar belakang profesional serta pengalaman akar umbi yang berbeza, namun berkongsi matlamat sama untuk berkhidmat secara inklusif dan berkesan.

Menurut Yu Keong, sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Khas dan pernah bertugas di Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, yang banyak membentuk kefahamannya terhadap pentadbiran serta pelaksanaan dasar kerajaan.

"Pengalaman saya bagi perjawatan terdahulu banyak membentuk kefahaman saya tentang pentadbiran kerajaan.

"Selain itu, saya memiliki pengalaman luas dalam bidang logistik dan pengurusan, industri pelancongan serta urus tadbir awam.

"Malah, pengalaman tersebut amat relevan dalam membantu melaksanakan tanggungjawab sebagai Ahli Majlis MBPP," katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara pada 6 Januari lalu.

Tambah beliau, bagi lantikan ini, fokus utama adalah kepada pengurusan dan pembangunan



**BARISAN muka baharu Ahli Majlis MBPP 2026 bersedia menggalas amanah.**

infrastruktur, termasuk penyelarasan projek infrastruktur Kerajaan Persekutuan serta pengukuhan sistem pengangkutan awam.

Mengulas mengenai cabaran semasa pula, Yu Keong turut menyatakan bahawa beliau masih pada peringkat awal untuk mengkaji dan memahami isu-isu utama MBPP secara menyeluruh.

“Pengukuhan pengangkutan awam melalui perluasan liputan, penambahbaikan perkhidmatan dan pengurangan pelepasan karbon adalah antara keutamaan saya.

"Peranan Ahli Majlis sebagai penghubung paling hampir dengan rakyat, dengan prinsip kerja berasaskan *Input–Analysis–Execute* (IAE) serta komunikasi dua hala bersama-sama jabatan MBPP.

"Pelantikan ini merupakan satu amanah besar yang perlu dipikul dengan penuh integriti.

"Saya berharap usaha untuk meningkatkan Indeks Kebahagiaan dan Kesejahteraan ke arah bandar raya berkualiti tinggi dapat direalisasikan," ujarnya.

Bagi Muhammad Adzlan, pelantikan sebagai Ahli Majlis membawa makna besar dari sudut peribadi dan profesional, selain hadir dengan pelbagai cabaran semasa.

"Sebelum ini, pengalaman saya sebagai pegawai kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan wakil rakyat, banyak memberi pendedahan mendalam terhadap pengurusan isu rakyat dan pentadbiran kerajaan.

"Cabaran utama yang saya hadapi kini adalah menangani isu setempat serta membantu rakyat, khususnya peniaga kecil dan penjaja.

"Saya percaya dengan pendekatan proaktif dan kerjasama bersama komuniti, setiap permasalahan dapat ditangani dengan lebih berkesan demi kebaikan bersama," katanya.

Dalam tempoh perkhidmatan ini, Muhammad Adzlan turut menegaskan kepentingan pembangunan yang tidak mengorbankan hak dan kebajikan rakyat.

“Pembangunan tidak seharusnya mengorbankan hak serta kebajikan rakyat, sebaliknya mesti memberi manfaat secara adil dan menyeluruh.

"Saya berperanan sebagai pemudah cara untuk mewujudkan situasi menang-menang antara rakyat dan pihak berkuasa tempatan, berlandaskan hukum agama serta undang-undang," ujarnya.

Disoal mengenai harapan, Muhammad Adzlan memberitahu bahawa beliau mahu memastikan Visi Penang2030 tercapai dan memberi kesan positif kepada negeri secara amnya.

Sementara itu, Deenadayalan yang terdahulu berkhidmat sebagai pensyarah dan jurulatih bebas, turut aktif dalam aktiviti kepimpinan serta kemasyarakatan.

"Sebelum ini, saya pernah berkhidmat sebagai pengerusi parti Cawangan Mount Erskine dan juga Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

"Penglibatan aktif ini banyak membentuk perspektif saya dalam perkhidmatan awam, khususnya dalam menyantuni keperluan masyarakat sejagat.

"Pelantikan saya sebagai Ahli Majlis MBPP boleh disifatkan sebagai satu tanggungjawab berat, dan saya amat menghargai kepercayaan yang diberikan serta bertekad melaksanakan amanah ini sebaik mungkin kepada semua lapisan masyarakat," ulasnya.

Antara cabaran utama, menurut Deenadayalan adalah untuk menyantuni keperluan pembayar cukai serta menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur bertaraf antarabangsa berteraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

“Prinsip saya adalah kekal komited terhadap tugasan yang dipertanggungjawabkan dan mengutamakan silaturahim sepanjang masa.

"Sebagai Ahli Majlis, saya berperanan sebagai pengantara antara pihak berkuasa tempatan dan rakyat melalui pendekatan perundingan serta penglibatan ketua komuniti.

"Justeru, saya berharap usaha Madani, meletakkan rakyat sebagai keutamaan dapat diteruskan tanpa sebarang kekangan," jelasnya.



**FOO Yu Keong.**



**MUHAMMAD Adzlan Adzhar.**



**K. Deenadayalan.**

# ‘Membumikan’ dasar hijau

**MENGANGGAP** dasar hijau yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selama ini adalah sangat baik, **HASRUL HUSIN** yang baru dilantik sebagai Ahli Majlis bagi tahun 2026 berhasrat untuk meningkatkan keterlibatan akar umbi masyarakat khususnya di sekolah dan masjid.

Beliau berkata demikian semasa ditemu ramah oleh wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Menara Bandaraya MBSP, Seberang Jaya baru-baru ini.



**BARISAN Ahli Majlis MBSP 2026 merakam gambar kenangan bersama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan negeri pada Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis, 2 Januari lalu.**



**CHANG Kim Joo.**



**HASRUL Husin.**

“Saya melihat dasar kitar semula dan dasar pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan oleh MBSP selama ini adalah sangat baik.

“Oleh kerana saya dipertanggungjawabkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Air Tawar, saya nekad untuk ‘membumikan’ lagi dasar-dasar hijau ini ke akar umbi masyarakat atau penduduk bandar raya Seberang Perai ini.

“Selama tempoh setahun pelantikan saya sebagai Ahli Majlis MBSP ini, akan saya berusaha untuk memperluas kempen kitar semula ke sekolah dan masjid-masjid tumpuan dalam kawasan di bawah tanggungjawab saya,” jelasnya.

Di samping itu, beliau menyatakan bahawa pihaknya sedang berusaha untuk memperkenal insurans kelompok kepada peniaga kecil di sekitar KADUN Teluk Air Tawar.

“Cadangan ini masih diteliti, bayaran untuk mendapat insurans kelompok ini dalam belasan ringgit sahaja, untuk tempoh pelindungan selama setahun.

“Pada hemat saya, jika peniaga kecil ada skim pelindungan sebegini, boleh memberi manfaat tambahan kepada mereka ketika diuji dengan perkara yang tidak diingini,” ujarnya sambil memberitahu bahawa syor itu dalam proses diketengahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sementara itu, **AHMAD RIZAL ABDUL HAMID** pula memberitahu bahawa selama ditaklifkan sebagai Ahli Majlis MBSP, beliau mahu memberi tumpuan kepada memperkasa akar umbi rakyat.

“Pada fikiran saya, kira-kira satu setengah tahun lagi penggal pentadbiran Pilihan Raya Negeri (PRU) Ke-15 Malaysia akan tamat, masa tidak lama, jadi saya mahu fokus memperkasa akar umbi masyarakat.

“Ekspektasi masyarakat terutama penduduk Seberang Perai adalah tinggi, jadi sebagai Ahli Majlis, tidak ada banyak pilihan melainkan sedaya upaya memenuhi ekspektasi mereka termasuk memastikan bandar raya ini bersih, hijau, selamat dan pintar.

“Untuk memastikan bandar raya ini senantiasa bersih umpamanya, penduduk sendiri mesti mengambil bahagian bersama-sama MBSP, baru visi bersama dicapai.

“Maka, sebab itulah, saya komited memperkasa masyarakat termasuk akar umbi parti dalam menjayakan misi Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Pintar yang digariskan oleh MBSP,” ulasnya.



**AHMAD Rizal Abdul Hamid.**

Pada 2 Januari 2026 lepas, menyaksikan kesemua mengangkat sumpah terimaan jawatan sebagai Ahli Majlis MBSP bagi tahun 2026 di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Datuk Bandar MBSP, Dato’ Baderul Amin Abdul Hamid.

Difahamkan, lapan muka baharu di samping 16 individu sedia ada yang melengkapkan pelantikan 24 Ahli Majlis MBSP berkenaan berkuat kuasa dari 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026 berdasarkan Seksyen 10(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Daripada lapan muka baharu yang dilantik sebagai Ahli Majlis MBSP, Linda Ng Kerh Wei, Tan Chee Teong dan K. Yoganraj Thever adalah daripada Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Tiga lain daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Hasrul Husin, Ahmad Rizal Abdul Hamid dan Anuar Yussoff; manakala baki dua lagi adalah Datuk Mohd. Zaidi Said (Umno) dan Chang Kim Joo (pertubuhan bukan kerajaan, NGO).

Ahmad Rizal, Anuar dan Kim Joo masing-masing sebelum ini pernah menjadi Ahli Majlis bagi PBT berkenaan.



**BARISAN muka baharu memberi *pose* istimewa. Turut serta, Ketua Menteri; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye (tujuh dari kiri); Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim (tiga dari kanan) dan Datuk Bandar MBSP, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid (enam dari kanan).**

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>ongahteong@penang.gov.my | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Tan Hooi Peng<br>n32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitamdap@gmail.com | (T) 016 - 421 9143<br>(F) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Dato' Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Bukhori Ghazali | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Mohd Sobri Salleh | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhammad Fauzi Yusoff | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Azmi Alang | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Izhar Shah Arif Shah | (T) |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Amir Hamzah Abdul Hashim | (T) |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Zulkefli Bakar | (T) |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Abidin Ismail | (T) |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Mohamad Shukor Zakariah | (T) |
| **N.40 TELOK BAHANG**<br>YB Muhamad Kasim | (T) |

| NAMA | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENANG CARE SOCIETY** | (Hotline)<br>(T) 04 - 291 0123 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappenang@dapmalaysia.org | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |




**Tarikh peraduan: 1 Januari - 31 Mac 2026**

1. Berumur 13 tahun dan ke atas.
2. Peraduan dibuka dari 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026.
3. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
4. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
5. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
6. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
7. **Karya perlu bertemakan 'Wanita Diperkasa, Komuniti Sejahtera'. Diwajibkan untuk sertakan logo Penang2030 dan Buletin Mutiara dalam karya.**
8. Borang butiran peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
9. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
10. Hasil karya adalah hak milik penganjur.
11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-6505704 / 5705.
12. Alamatkan semua borang penyertaan ke:
    Pertandingan Melukis Poster - 1/2026,
    Tingkat 47 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.

**Nama:** ..........................................

**Kad Pengenalan:** ..........................................

**Alamat:** ..........................................

..........................................

**No. Telefon : (Rumah)** ..........................................

**(Bimbit)** ..........................................

**Emel:** ..........................................

**(Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap).**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2026

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yussoff | 016 - 461 6390 |
| Chang Kim Joo | 016 - 436 9268 |
| Chong Wei Hoong | 012 - 484 9693 |
| Datuk Mohd Noor Ahmad | 019 - 473 1172 |
| Datuk Mohd Zaidi Haji Said | 019 - 431 3333 |
| Hasrul Husin | 010 - 379 7729 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Lim Chee Chien | 012 - 521 9894 |
| Lim Eng Nam | 016 - 411 4400 |
| Linda Ng Kerh Wei | 011 - 1144 8393 |
| Linggeswaran a/l Charmar | 013 - 419 9071 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 011 - 1119 4419 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Ponnudurai a/l V Anthony Srinvasagam | 012 - 423 3578 |
| Predeeb Kumar a/l Kalidass | 016 - 498 5421 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Yeoh Kim Kim | 012 - 428 6438 |
| Yoganraj Thever a/l Kathiravelu | 012 - 444 5675 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |
| Zulkifli Md. Yusop | 016 - 432 0789 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Seberang Perai Utara | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan (Pegawai Pembantu) | Seberang Perai Selatan | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 44, KOMTAR<br><br>N. Vasanthakumari (Pembantu Tadbir) 04 - 650 5105 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Joseph Tan (Pegawai Pembantu) | Seberang Perai Tengah | | 012 - 470 3880 |
| 4. | K. Dasirani (Pegawai Pembantu) | Timur Laut | | 012 - 412 2375 |
| 5. | Ay Yap See (Pegawai Pembantu) | Barat Daya | | 011 - 5313 6188 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2026

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Chan Soon Aun | 012 - 485 0728 |
| Dato' Haji Abdul Razak Abdul Rahman | 012 - 464 6277 |
| David Chen Wooi Teong | 012 - 492 1114 |
| Deenadayalan a/l Kandiah | 019 - 473 9895 |
| Dr. Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Foo Yu Keong | 012 - 455 0074 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Koay Gaik Kee | 016 - 447 5088 |
| Lee Seng Hwai | 016 - 440 6798 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Manimaran a/l Samba Sivam | 016 - 438 3437 |
| Mohamad Khairani Abdul Shukor | 019 - 594 4533 |
| Mohd Aidil Fitri Ibrahim | 019 - 443 2088 |
| Muhammad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Muhamad Nayim Othuman Mydin | 017 - 465 4947 |
| Muhammad Adzlan Adzhar | 017 - 335 0030 |
| Ooi Mei Mei | 011 - 1443 8734 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan May Peng | 016 - 461 3511 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Visvenathan a/l Tangavello | 019 - 488 1010 |
| Zuraida Mohamad Arshad | 019 - 464 3674 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF
NUR ASHIKIN ISMAIL

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
SITI NURATIKAH RAHMAT
SIEW CHIA EN
MUHAMMAD IQBAL HAMDAN

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NASRUL AMIR YAHAYA

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 13397
Peminjam : ABSHAR NURASYRAF BIN AMRAM - 01021407****
NO.B4-1-14, TAMAN SRI JANGGUS ALMA BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMRAM BIN SAID - 73071008****
NO.B4-1-14, TAMAN SRI JANGGUS ALMA BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13398
Peminjam : MUHAMMAD SAAD BIN AKBAR - 00030607****
NO.56-4-5 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM, GEORGETOWN, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL JALIL BIN MYDIN PICHAY - 96051607****
LOT 90-12-30 KOTA EMAS, LORONG SEREMBAN, GEORGETOWN, 10150 PULAU PINANG.
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13414
Peminjam : LAAVANIA A/P SEGER - 94092307****
NO.18, LORONG SEJAHTERA 3, TMN SEJAHTERA, ALMA, BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SEGER A/L LETCHEMANAN - 77032308****
NO.26 LORONG IMPIAN 11, TAMAN IMPIAN, ALMA, BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG.
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13424
Peminjam : JEEVABHASINY A/P CHINNATHAMBY - 95052007****
NO.4E-12-20, LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU, AYER ITAM , 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LAXMEN RAJ A/L CHINNATHAMBY - 98033007****
NO.4E-12-20, LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU, AYER ITAM , 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13427
Peminjam : AMAR SYAKIMI BIN MOHD ISA - 00012307****
NO.50, LORONG ALMA JAYA 33, TAMAN ALMA JAYA, BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMER SYAFIQ BIN MOHD ISA - 92090807****
NO.50, LORONG ALMA JAYA 33, TAMAN ALMA JAYA, BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13430
Peminjam : MUHAMMAD ZAMIL AIMAN BIN ABDULLAH - 01112907****
NO.432, JALAN TANJUNG TOKONG, GEORGETOWN, 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NOOR BIN KHAMIS - 72042507****
NO.432, JALAN TANJUNG TOKONG, GEORGETOWN, 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13452
Peminjam : TASNIM BINTI MOHD NASIR - 00121807****
NO.1003, KAMPUNG BARU, PADANG MENORA, TASEK GELUGOR, 13310 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN ABD WAHAB - 74022107****
NO.1003, KAMPUNG BARU, PADANG MENORA, TASEK GELUGOR, 13310 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13462
Peminjam : NOR FARHANI BINTI MD KAMAL - 91080707****
NO.21, LINTANG PEKAKA 6, TAMAN PEKAKA, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOR FARIZA BINTI MD KAMAL - 91080707****
NO.21, LINTANG PEKAKA 6, TAMAN PEKAKA, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13463
Peminjam : JAY SRI A/P YOGANATHAN - 97062307****
NO.5, LORONG SERI IMPIAN 1/1, TAMAN SERI IMPIAN, BUKIT MERTAJAM, 14000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : DAMODARAN A/L SUBRAMANIAM - 70122408****
NO.4D-9-20 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU FARLIM, AIR ITAM, 11500 PULAU PINANG.
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13465
Peminjam : SASHIVARMAN A/L BALASUBRAMANIAM - 97062507****
NO.45, LORONG 3/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA, SIMPANG AMPAT, 14120 PULAU PINANG
Penjamin 1 : VIMALA DEVI A/P MURUGIAH - 69080807****
NO.45, LORONG 3/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA, SIMPANG AMPAT, 14120 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13467
Peminjam : MUHAMMAD LUQMAN BIN HAIRUWAN - 00042707****
LOT 6, SIMPANG EMPAT, PERMATANG BULOH, KEPALA BATAS, 13200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NURUL SYAHIDA BINTI HAIRUWAN - 92091907****
LOT 6, SIMPANG EMPAT, PERMATANG BULOH, KEPALA BATAS, 13200 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13470
Peminjam : KAMARUL SYAFIQ BIN SAIBULLAH KHAN - 99051007****
NO.20-6-9, TINGKAT TERUBONG 2, PAYA TERUBONG, AYER ITAM, 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHATIJAH BIBI BINTI K.ABDUL RAHMAN - 64021102****
NO.20-6-9, TINGKAT TERUBONG 2, PAYA TERUBONG, AYER ITAM, 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13471
Peminjam : PUVITHRA A/P BASKARAN - 98082507****
NO.129, JALAN KIKIK, TAMAN INDERAWASIH, PERAI, 13600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : RANI A/P VERAPEN - 68091707****
NO.129, JALAN KIKIK, TAMAN INDERAWASIH, PERAI, 13600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,

No Akaun : 13487
Peminjam : NUR TAQIYAH BINTI MOHD TARMIZI - 98122007****
NO.12,LRG SEJAHTERA INDAH 7, TMN SEJAHTERA INDAH, TELUK AIR TAWAR, 13050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZHAR BIN MANSOR - 66040102****
NO.12,LRG SEJAHTERA INDAH 7, TMN SEJAHTERA INDAH, TELUK AIR TAWAR, 13050 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TIDAK BERKENAAN - Tiada No K/P
, ,



# Seni memelihara budaya memberi inspirasi



FRANKIE Chin Swee Ching menunjukkan salah satu karya seni yang dihasilkan ketika ditemui baru-baru ini.

**FRANKIE CHIN SWEE CHING** bukan sahaja dikenali sebagai pelukis cat air yang berbakat tetapi juga sebagai penggiat seni yang memelihara sejarah dan suasana komuniti melalui karya *'urban sketching'*.

Dari pemandangan warisan Pulau Pinang hingga ke sekitar kampung nelayan, setiap lukisan Swee Ching membawa naratif tentang kehidupan masyarakat setempat dengan cara tersendiri.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan menemu bual beliau untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai latar belakang perjalanan seninya.

## Latar belakang

Menurut Swee Ching, minatnya terhadap seni sudah tersemat dalam diri sejak kecil lagi apabila beliau mengambil beberapa kelas seni secara asas.

"Selepas tamat persekolahan, komitmen terhadap kerja telah memaksa saya membuat keputusan yang sukar iaitu 'berehat' sementara daripada aktiviti seni.

"Malah, selama lebih 20 tahun, saya melukis hanya apabila ada waktu lapang sahaja.

"Saya tidak berhenti sepenuhnya tetapi hanya melukis dan membuat lakaran jika masa terluang.

"Setelah lapan tahun berlalu, saya memutuskan untuk kembali aktif dan menyertai komuniti *Urban Sketchers Penang* serta mengambil bahagian dalam pameran tempatan dan antarabangsa," kongsinya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 19 Disember 2025.

## Sumber inspirasi

Menurut Swee Ching, mentor-mentor dalam komuniti *Urban Sketchers Penang* telah menjadi pendorong utama, sekali gus mencetuskan inspirasi dalam perjalanan karyanya.

"Seni adalah salah satu cara untuk menyimpan memori berkaitan tempat dan budaya kerana setiap lukisan itu bukan sekadar untuk dipamerkan, sebaliknya untuk dikongsi dan dihargai bersama.

"Aktiviti *sketching* (melakar) ini biasanya dilakukan di kawasan tapak warisan, lokasi pelancongan atau lorong-lorong ikonik yang sememangnya banyak terdapat di Pulau Pinang.

"Ruang sedia ada ini membolehkan saya bertemu lebih ramai pelukis lain dan membina jaringan komuniti seni yang kukuh, motivasi, peluang untuk belajar dan berkongsi pengalaman.

"Melihat mereka melukis di jalanan benar-benar membuat saya terpukau, justeru, saya mula menyertai mereka (pelukis) setiap hujung minggu dan langkah ini telah membuka dunia seni yang baru bagi saya," katanya sambil menekankan bahawa seni bukan sekadar teknik tetapi juga pengalaman.

## Cabaran berkarya

Tambah Swee Ching, bekerja di luar studio atau *'plein air'* bukan sahaja menuntut kemahiran teknikal, malah memerlukan tahap kesabaran dan kepekaan yang tinggi terhadap persekitaran.

"Antara cabaran melukis di luar adalah perubahan cahaya matahari, gangguan orang ramai dan keadaan lokasi yang tidak selalu mesra kepada pelukis.

"Kadang kala ada juga penduduk tempatan yang tidak selesa jika kita melukis rumah mereka tanpa kebenaran.

"Selain itu, saya juga turut berdepan dengan cabaran teknikal berkaitan masalah alat lukisan seperti cat air atau berus yang tidak lagi dihasilkan yang mana keadaan ini hampir menjejaskan gaya saya berkarya.

"Disebabkan hal itu, saya hampir berputus asa tetapi itulah telah menjadi titik tolak kepada saya untuk meneroka teknik baru seperti penggunaan *'bronze brush'* dan *'micron pen'* yang benar-benar mengubah gaya saya berkarya," jelasnya.

Swee Ching turut menegaskan bahawa teknik karya beliau banyak menekankan kesederhanaan dan elemen ikonik agar lukisan mudah diurus dan jelas bagi peminat seni.

"Kesederhanaan lebih penting daripada ketelitian berlebihan.

"Fokus saya adalah pada elemen ikonik sahaja supaya lukisan masih bercerita tanpa terlalu sarat," kongsinya lanjut.

## Pencapaian dan harapan

Swee Ching turut berkongsi beberapa pencapaian penting dalam karier seninya.

"Antara karya yang paling membanggakan adalah lukisan di kampung nelayan *"Fishing Village"* pada 2022 yang berjaya menarik minat dan dibeli oleh beberapa pengumpul seni.

"Selain itu, saya juga turut menyiapkan karya di Bukit Bendera dan restoran *David Brown* yang kini menjadi sebahagian daripada koleksi tetap.

"Untuk menyiapkan lukisan itu, saya perlu memegang tiga berus dalam satu tangan," kongsinya sambil mengimbau momen penting yang memberi impak besar terhadap perjalanan seninya.

Mengakhiri sesi wawancara, Swee Ching turut menegaskan bahawa motivasi berkarya datangnya daripada pengalaman sendiri, mentor dan pelukis veteran lain.

"Melalui bidang seni, kita bukan sahaja mengekspresikan diri tetapi juga menyimpan sejarah, memelihara budaya dan memberi inspirasi kepada orang lain.

"Bagi saya, setiap lukisan adalah catatan sejarah hidup, dari lorong-lorong warisan hingga ke pemandangan kampung nelayan, yang mana setiap garisan dan warna membawa kisah masyarakat di Pulau Pinang.

"Justeru, saya berharap seni tempatan akan terus berkembang dan lebih ramai generasi muda terinspirasi untuk mencintai seni serta menikmati warisan pada masa akan datang," katanya menutup bicara.

*(Sambungan dari muka 6).*

# Kemudahan tampung pertambahan pelancong




SALAH satu sudut menarik dan selesa yang terdapat di PWCC.

Bercakap dalam sidang media sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai memberitahu bahawa MICE adalah sektor yang penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri.

"Pada tahun lalu (2025), anggaran impak ekonomi (EEI) bagi aktiviti MICE mencecah lebih RM1 bilion merangkumi sektor pengangkutan, peruncitan, perhotelan dan rantaian bekalan.

"Dengan adanya PWCC, kita menjangkakan angka impak ekonomi ini akan melonjak lebih tinggi bagi tahun 2026," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Sementara itu, Pengarah IJM Perennial Development, Datuk Tony Ling Thou Lung memberitahu bahawa *The Light City* merupakan projek pembangunan bersepadu yang mana PWCC dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.

"Ia (PWCC) merangkumi pusat beli-belah, ruang pejabat, serta hotel bertaraf antarabangsa.

"Pusat beli-belah di sini berfungsi sebagai pemangkin *(catalyst)* bagi seluruh pembangunan ini yang menyediakan kemudahan buat komuniti sekitar.

"Ia (pembukaan pusat membeli belah di PWCC) bukan isu lambakan kerana setiap lokasi mempunyai fungsi tersendiri, malah menjelang pembukaannya pada April nanti, kita jangka akan ada beberapa 'kejutan' melibatkan penyewa utama *(anchor tenants)* baharu yang berkualiti dari dalam dan luar negara," jelasnya lagi.

# Anugerah Sekolah Hijau

## komitmen pendidikan alam sekitar

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG JAYA –** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampong Kastam dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Lee Chee dinobatkan sebagai johan Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai 2025 masing-masing bagi Kategori Menengah dan Kategori Rendah.

Kedua-dua sekolah tersebut membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 berserta sijil penyertaan.

Guru Penyelaras Sekolah Hijau SMK Kampong Kastam, **LYDIA LIREK ANYIE** berkata bahawa komitmen seluruh warga sekolah menjadi kunci kejayaan merebut gelaran johan buat kali kedua bagi anugerah itu.

"Syabas dan terima kasih kepada semua warga sekolah atas komitmen yang diberikan sehingga membawa kejayaan dalam Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai 2025 ini.

"Selain itu, kami turut menanam sikap melalui slogan *'think green, go green'* kepada seluruh warga sekolah untuk memastikan agenda sekolah hijau tercapai.

"Malah, faktor satu kelas satu taman juga mungkin menjadi salah satu penyumbang kepada kejayaan yang dicapai untuk tahun ini," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara ketika ditemui sejurus Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2025 Peringkat Seberang Perai pada 10 Disember 2025.

Tambah beliau, kerjasama erat antara murid, guru dan kakitangan sekolah berjaya menyatukan semua pihak dalam menjayakan pelbagai projek hijau dengan penuh dedikasi.




**BARISAN pelajar dan guru yang menerima pengiktirafan sempena penganjuran Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai 2025 merakam momen bersama penganjur sejurus majlis berkaitan di sini.**

Sementara itu, Guru Penyelaras Sekolah Hijau SJKC Lee Chee, **TEOH PAY SHY** memberitahu bahawa pihak sekolah melaksanakan pelbagai aktiviti hijau di dalam dan luar sekolah bagi memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan murid.

"Kami menganjurkan program seperti *Earth Hour* dan *Earth Day*, selain membawa murid menyertai aktiviti pembersihan pantai.

"Kami juga mengadakan hari kutipan bahan kitar semula setiap minggu dengan menawarkan ganjaran tertentu bagi menggalakkan penyertaan daripada murid-murid dan ibu bapa," jelasnya.

Berucap pada majlis tersebut, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid memberitahu bahawa Anugerah Sekolah Hijau bukan sekadar sebuah pertandingan, sebaliknya merupakan satu gerakan pendidikan alam sekitar yang telah dilaksanakan sejak 2010.

"Daripada hanya 30 sekolah pada tahun pertama penganjuran, penyertaan kini meningkat kepada lebih 150 sekolah, yang mana ia menunjukkan suatu perkembangan yang menjadikan Seberang Perai sebagai antara pihak berkuasa tempatan (PBT) paling aktif mempromosikan pendidikan kelestarian di negara ini.

"Penilaian program ini merangkumi aspek kecekapan sumber asli, inovasi dan kreativiti, kebersihan dan penghijauan, penglibatan komuniti, digital dan pembentangan.

"Bermula pada tahun 2024, setiap sekolah diwajibkan menubuhkan Kelab Sekolah Hijau atau Kelab Alam Sekitar.

"Justeru, MBSP memperkenalkan Anugerah Kelab Sekolah Hijau Yang Cemerlang sebagai pengiktirafan kepada kelab yang benar-benar aktif dan berkesan," jelasnya.

Pada majlis sama, SMK Bakti muncul naib johan bagi Kategori Menengah diikuti SMK Telok Air Tawar di tempat ketiga.

Bagi Kategori Sekolah Rendah, tempat kedua disandang oleh Sekolah Kebangsaan (SK) Mak Mandin manakala SJKC Chin Hwa di tempat ketiga.



**SUASANA menghijau dan menyegarkan melayakkan SMK Kampong Kastam muncul sebagai johan Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai 2025 baru-baru ini.**

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2026



# Wanita Diperkasa Komuniti Sejahtera

PENANG 2030 MALAYSIA MADANI ♡PENANG

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..........

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..........

Alamat: ..........

..........

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..........

No. Telefon : (Rumah) .......... (Bimbit) : ..........

Emel: ..........

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Peraduan dibuka dari 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Borang penyertaan sah boleh didapatkan di dalam naskah Buletin Mutiara. Peserta juga dibenarkan untuk memuat turun borang penyertaan daripada laman sesawang Buletin Mutiara, bersaiz A3 (29.7 cm x 42 cm).
4. Peserta dibenarkan menghantar lebih daripada satu penyertaan.
5. Hasil karya akan menjadi hak milik penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-6505704 / 5705.
9. Alamatkan semua borang penyertaan ke:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik- Mewarna 1/2026,
   Tingkat 47 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM500**
**Kedua: RM300**
**Ketiga: RM200**
**Sagu hati: RM50 x 5 Pemenang**